

**MAJLIS KONVOKESYEN KHAS PENGANUGERAHAN IJAZAH DOKTOR
KEHORMAT DALAM PENGURUSAN DAN KEJURUTERAAN**

**DEWAN SULTAN ISKANDAR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI
4 DISEMBER 2003**

Sesungguhnya saya berasa amat terharu dan terhormat kerana pihak universiti telah sudi menganugerahkan ijazah doktor kehormat dalam pengurusan dan kejuruteraan kepada saya.

2. Ini adalah kali pertama saya diberi penghormatan seperti ini dari universiti di Malaysia. saya amat menghargainya.

3. Pada kesempatan ini izinkan saya menyampaikan ucapan pendek sebagai penghargaan saya kepada penghormatan yang diberikan kepada saya oleh universiti teknologi Malaysia pada hari ini.

4. Sekali-sekala, saya berpendapat, ada baiknya kita menoleh kebelakang untuk melihat dari mana kita datang, supaya kita lebih sedar akan keadaan sekarang dan ke arah mana kita sedang menuju. Kita juga akan kenali apakah kelemahan dan kekuatan kita dahulu berbanding dengan sekarang. Dengan pengetahuan itu maka dapatlah kita perbaiki faktor-faktor ini supaya kita akan capai kejayaan dalam apa juga usaha kita.

5. Sejarah sebelum merdeka negeri-negeri Melayu yang sekarang tergabung menjadi negara Malaysia bukanlah sesuatu yang boleh kita banggakan sangat. kekalahan melaka di tangan Portugis telah menyebabkan bukan sahaja Melaka ditakluk dan dijajah oleh bangsa Eropah ini, tetapi ia juga menyebabkan minda atau pemikiran bangsa Melayu dijajah sehingga mereka hilang kepercayaan kepada diri sendiri akan kebolehan mereka mengurus hal-ehwal negara sendiri dan membebaskan diri mereka semula. Penjajahan minda ini adalah lebih berkesan dari penjajahan secara langsung atau tidak langsung wilayah-wilayah di semenanjung tanah Melayu oleh bangsa-bangsa Eropah.

6. Kita harus ingat selain dari melaka wilayah-wilayah di semenanjung yang ditakluk oleh bangsa-bangsa Eropah tidaklah melalui serangan ketenteraan, melalui perang. Pemerintah-pemerintah negeri-negeri di semenanjung sendiri telah menyerah Pulau Pinang dan Seberang Prai (Province Wellesley), Singapura dan Dinding / Pangkor dengan sukarela kerana sebab-sebab tertentu.

7. Penyerahan ini dibuat kerana pemerintahan negeri-negeri Melayu tidak yakin mereka dapat memerintah negeri sendiri dengan baik, membangunkan negeri masing-masing dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi. Di waktu jepun memperbaharui sistem pemerintahan mereka di bawah Maharaja-maharaja Dinasti Meiji; di zaman King Chulalongkorn mempermodenkan negara Siam, tidak ada usaha yang sama yang dibuat oleh pemerintahan negeri-negeri Melayu.

8. Sebaliknya pemerintah negeri-negeri Melayu lebih suka kepada jalan yang mudah dengan menjemput orang lain untuk menjalankan urusan pentadbiran. demikian apabila kutipan cukai di selewengkan oleh pegawai-pegawai kerajaan, monopoli kutipan cukai ini diserahkan kepada tauke Cina yang menjamin kutipan yang lebih besar akan diperolehi. demikian juga monopoli jualan candu diberi kepada kapitan Cina.

9. Apabila bermasalah dengan keganasan kongsi-kongsi Cina lombong yang sering berperang sesama mereka, pihak British di jemput masuk negeri Melayu untuk mengamankan keadaan. Selepas itu apabila British menawar untuk menolong mentadbirkan negeri-negeri tertentu, maka tawaran ini diterima. British memperkenalkan "political pension" iaitu gaji untuk tidak bekerja. British akan menjalankan tugas dan urusan pemerintahan dan menjadi penasihat kepada raja-raja. Dan tawaran ini diterima tanpa menyoal apakah kesan dari pengasingan dari tugas-tugas dan tanggungjawab pentadbiran. "Political pension" inilah yang menyebabkan negeri-negeri Melayu dijajah oleh British. Apabila jalan yang mudah dipilih maka akan lumpuhlah pemikiran dan tenaga. Tanpa pengalaman dan ujian dalam menjalankan kerja, pengetahuan dan kecekapan tetap merosot. Kemudian keupayaan akan hilang sama sekali. Dengan lumpuhnya keupayaan, akan lebih lumpuhlah daya pemikiran. Mereka yang lumpuh pemikiran akan mudah dikuasai orang, iaitu dijajah.

10. Sejarah menceritakan berkenaan pemberontakan yang dibuat oleh Dato Sagor, Mat Kilau, Tok Janggut dan lain-lain. Tetapi tentangan ini bukan untuk membebaskan negeri sendiri dari belenggu penjajahan. Dan tentangan ini tidak dibuat secara terancang dan tersusun, dengan matlamat yang jelas, secara usaha bersama dalam negeri, jauh sekali usaha bersama antara negeri-negeri Melayu. Jaguh-jaguh Melayu ini mempunyai matlamat yang terhad. Apabila mereka gagal penghinaan oleh British terhadap bangsa Melayu meningkat dan tidak mendapat apa-apa reaksi lagi.

11. Dalam pentadbiran British tidak ada jawatan yang penting yang diberi kepada orang tempatan, samada Melayu, Cina atau India. Mereka sendiri, terutama orang Melayu anggap diri mereka tidak layak. Secara terbuka kedudukan rendah penduduk tempatan dirasmikan. Demikian yang terlatih dalam bidang perubatan dikenali sebagai "Assistant Medical Officer" dan yang mempelajari bidang kejuruteraan hanya dianggap layak menjadi "Technical Assistant". Sebaliknya orang Eropah diberi gelaran "Medical Officer" dan "Engineer" tanpa penduduk tempatan menyoal kelayakan mereka.

12. Keselamatan dalam negeri dikendalikan oleh pegawai British dengan mengguna "spahi", iaitu orang-orang Sikh yang dibawa dari India. Mata-mata Melayu tidak dibenar menembak meriam. Ini adalah tugas "spahi" Sikh. Tidak juga terkilan orang Melayu.

13. Dan bermacam-macam lagi yang dilakukan oleh penjajah yang mencerminkan kehinaan dan tidak percayanya mereka terhadap orang Melayu; kurang yakinnya mereka akan kebolehan orang Melayu. Namun tidak ada protes dari orang Melayu, jauh sekali pemberontakan oleh mereka.

14. Yang jelas ialah orang Melayu sendiri sudah percaya mereka memang pun tidak layak, tidak berkebolehan. Mereka percaya hanya orang Eropah sahaja yang mampu mentadbir negeri mereka, menentukan pertahanan negeri mereka, menetapkan dasar luar negeri mereka.

15. Demikianlah kepercayaan mereka kepada orang Eropah sehingga perjanjian yang dibuat dengan Inggeris menyebut bahawa perjanjian itu akan berkuatkuasa selagi ada matahari, bulan dan bintang. Jika dipegang kepada perjanjian menyerah kuasa kepada British, negeri-negeri Melayu tidak mungkin bebas dan merdeka sampai bila-bila. Kekalahan British di tangan jepun bermakna mereka tidak menepati janji* orang Melayu tidak ungkit perkara ini, tidak minta ganti rugi dari British kerana gagal memberi

perlindungan yang dijanji. Sebaliknya apabila British balik orang Melayu bersedia untuk dijajah semula mengikut perjanjian dahulu.

16. Penjajahan minda orang Melayu adalah menyeluruh “complete and total”. pada masa membuat perjanjian tidak ada langsung pemikiran untuk pada satu hari membebaskan diri dari belunggu penjajahan dan mentadbir negeri sendiri. Orang Melayu menerima kerendahan diri mereka sebagai sesuatu yang semulajadi yang tidak mungkin diubah. Tidak hairanlah negeri-negeri Melayu dijajah selama 446 tahun.

17. Dengan sikap orang Melayu yang seperti ini maka pihak British berpendapat mereka boleh buat apa sahaja kepada negeri-negeri Melayu tanpa apa-apa bantahan dari orang Melayu. Mereka percaya tidak akan ada orang Melayu yang akan menentang rancangan-rancangan mereka. Mengambilalih negeri-negeri Melayu dan merampas hak ketuanan orang Melayu pun tidak akan menemui apa-apa reaksi dan tentangan oleh mereka. Dalam suasana inilah yang mereka perkenalkan Malayan Union.

18. Tidak ada rundingan yang dibuat dengan raja-raja Melayu atau rakyat Malaysia. Untuk menghalalkan Malayan Union ciptaan White Hall London, Raja-Raja Melayu dipaksa menandatangani perjanjian serah kuasa kepada British.

19. Bahawa percubaan mendirikan Malayan Union ini gagal adalah sesuatu yang di luar dugaan. Rancangan British hampir berjaya, kerana memangpun ada orang Melayu yang sanggup terima Malayan Union dan memperkecil-kecilkan mereka di antara orang Melayu yang cuba menentang. Tetapi alhamdulillah, buat beberapa ketika terdapat di kalangan orang Melayu beberapa tokoh yang minda mereka tidak terjajah.

20. Sepatutnya setelah merdeka minda kita tidak terjajah lagi. Tetapi penjajahan minda tidak mudah dikikis sepenuhnya. Ramai dari kita masih kurang percaya akan kebolehan kita. Ramai yang masih percaya orang Eropah lebih berkemampuan dari kita. Mereka ini anggap memajukan negara membangun seperti Malaysia ini untuk menjadi negara maju adalah angan-angan mat jenin sahaja. Ia tidak mungkin dicapai.

21. Pemikiran yang masih dijajah inilah yang menjadi halangan kepada usaha membangunkan negara. Tiap kali sesuatu dirancang yang menarik cemuhan dan kritik orang Eropah dan media mereka maka yang berpemikiran dijajah dikalangan rakyat Malaysia akan menyuarakan tentangan yang sama, kritikan yang sama.

22. Benar secara langsung penjajah tidak lagi dapat menjajah. Tetapi pepatah Inggeris berkata “There are many ways to skin a cat”. Bahawa mereka tidak lagi dapat menakluk dan menjajah tidak menjadi halangan terhadap penjajahan yang diingini oleh mereka. Ada cara lain untuk mereka menjajah. Dan caranya ialah dengan memperalatkan rakyat Malaysia yang masih belum bebas dari belunggu penjajahan minda. Mereka ini akan diguna untuk menjayakan penjajahan cara baru.

23. Badan bukan kerajaan atau NGO bukanlah ciptaan kita. Yang menciptanya ialah bangsa penjajah. Oleh kerana ada di antara kita minda yang masih dijajah maka mereka ini dipengaruhi untuk menubuh NGO yang bertujuan memberi sokongan kepada NGO asing yang tidak ingin lihat kita bangunkan negara kita sehingga menjadi negara maju. Bahawa mereka ini sudah menjadi alat penjajah tidak disedari oleh badan-badan ini. Demikianlah berkesannya penjajahan terhadap minda mereka.

24. Pembangunan negara ini supaya menjadi negara maju boleh dilakukan dengan lebih pantas dengan perbelanjaan yang lebih rendah jika halangan oleh minda yang dijajah tidak membantu cemuhan oleh orang asing dengan media mereka.

25. Umpamanya Lebuhraya Utara – Selatan boleh disediakan sebelum tahun 1980 dengan perbelanjaan hanya enam billion ringgit. Tetapi apabila Lebuhraya ini dicadangkan ramai yang menentang kerana mereka percaya semenanjung Malaysia tidak memerlukan sistem jalanraya yang sebegini canggih. Kita tidak mungkin mempunyai bilangan kenderaan yang berjumlah tinggi untuk mengguna jalan seperti ini. Akhirnya apabila lebuhraya ini dibangunkan kosnya meningkat begitu tinggi sehingga kerajaan terpaksa mengadakan bantuan kewangan untuknya. Sekarang kita dapati penggunaanya jauh lebih dari yang dijangka. Tetapi pembesarannya tidak mudah dibuat.

26. Demikian jugalah dengan lain-lain rancangan untuk infrastruktur dan industri. Semuanya ditentang kerana dipercayai tidak mungkin berjaya, tidak perlu, akan mencemar alam sekitar dan lain-lain. Semua tentangan ini entah bagaimana, sama dan secukupnya dengan pendapat bekas penjajah yang dicerminkan oleh media mereka.

27. Untuk meyakinkan lagi pemikiran yang telah dijajah maka diciptanya oleh mereka perkataan “mega projek”. Dan perkataan ini disambut dan dilaungkan dengan riang gembira oleh NGO kita sendiri. Segala-gala yang dilakukan untuk mempercepatkan pembangunan Malaysia diberi label “mega projek” dan ditentang oleh NGO tempatan sendiri, termasuk kadang-kadang media tempatan, dan media bekas penjajah pun bertepuk sorak kerana penjajahan minda oleh mereka begitu berkesan.

28. Jika kita dapat membebaskan diri dari kongkongan dan penjajahan minda kita, Dan kita berfikir akan negara Malaysia tanpa apa yang dilabelkan sebagai “mega projek” apakah yang akan ada pada kita. Bayangkan Malaysia tanpa lebuhraya Utara-Selatan, landasan berkembar keretapi elektrik, Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Kuala Lumpur di Sepang, Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Putrajaya dan Cyberjaya, Perusahaan Kereta Proton dan Perodua, Multimedia Super Corridor, Link Kedua dan lain-lain lagi yang didakwa sebagai “mega”, apakah yang akan tinggal yang membezakan Malaysia daripada negara-negara membangun yang lain. Sudah tentu tidak ada. Kita telah bangunkan dengan pesat kawasan luar bandar lengkap dengan bekalan elektrik dan air, sekolah dan klinik, jalan-jalan kampung bertar. Tetapi walaupun negara membangun yang lain tidak berjaya berbuat demikian, mereka yang entah kenapa benci kita tidak pernah sebut atau lapor perkara-perkara ini. Yang dilaporkan tidak berhenti-henti ialah “mega projek”. Rakyat sendiri juga tidak menyebut kejayaan pembangunan luar bandar yang tidak terjejas oleh projek “mega” sama sekali. Ini tentulah kerana orang Eropah tidak menyebut tentangnya. sekali lagi terdapat bukti penjajahan minda yang belum berjaya dihapuskan.

29. Untuk membangunkan negara supaya menjadi negara maju cita-cita besar atau “ambition” perlu ada. Pendapat “rezeki secupak tidak akan menjadi segantang” adalah pepatah yang menghalang kemajuan. Secupak padi jika disemai dan ditanam dan keluarannya ditanam berkali-kali akan menjadi ratusan ribu gantang. “Niat hati hendak memeluk gunung, tetapi apakan daya tangan tak sampai” mencerminkan minda yang kecil, yang mudah kecewa kerana mempercayai ketidakmampunya diri sendiri.

30. Sebenarnya mega projek adalah lebih ciptaan mereka yang tidak senang hati melihat kejayaan sebuah negara yang semasa ianya dijajah dahulu tidak dibangunkan melainkan untuk memudahkan pengeluaran dan eksport getah dan bijih timah untuk penjajah sahaja. Label memainkan peranan yang penting dalam memajukan sesuatu. Produk-produk yang berjenama tertentu laris kerana labelnya. Apabila dilabelkan sesuatu projek di Malaysia sebagai mega maka ia akan menimbulkan perasaan bersalah di kalangan pihak yang terjajah pemikiran mereka. Untuk menunjuk mereka juga menyertai aliran zaman, dan tidak bersalah, mereka juga akan menjerit “mega, mega”.

31. Apakah benar projek-projek yang dilabelkan “mega” adalah projek yang terlalu besar dan membazir. Besar atau kecil sesuatu adalah relatif. Jika sesuatu itu tidak mampu dibiayai oleh negara berkenaan, walaupun ia kecil ia boleh ditakrif sebagai mega. Tetapi hakikatnya ialah setelah membangunkan projek-projek yang dilabelkan mega ini, Malaysia tidak menjadi mufliis, tidak mengemis meminta-minta daripada sesiapa. Sebaliknya kewangan kita jauh lebih kukuh dari kebanyakan negara membangun yang lain, bahkan dari sesetengah negara maju. Lagipun semua projek ini berguna dan diguna sepenuhnya. Jambatan Pulau Pinang umpamanya begitu sesak dengan kenderaan sehingga kita terpaksa rancang jambatan kedua (yang sudah tentu akan ditentang oleh minda yang terjajah). Lebuh raya Utara – Selatan terpaksa dibantu dengan lebuh raya tambahan. Demikian juga dengan lain-lain projek yang dilebel mega.

32. Sesungguhnya walaupun negara sudah tidak dijajah lagi, masih terdapat ramai rakyat Malaysia yang memiliki minda yang dijajah. Inilah yang menjadi halangan terbesar terhadap urusan pembangunan.

33. Kita boleh dan sepatutnya teliti tiap sesuatu yang hendak dibuat oleh kita, dan kita beri pandangan tanpa menyebut “mega, mega”. Tetapi kita tidak harus latah dan “echo” pendapat dan perkataan orang asing, khususnya bekas penjajah. Gunakan akal fikiran sendiri dan buat penilaian yang mengambilkira kemampuan dan keperluan kita.

34. Jika tidak, walaupun kita sekarang bebas dan merdeka tetapi kita masih “Technical Assistant” dan “Assistant Medical Officer” yang perlu arahan dan tunjuk ajar dari orang lain.

35. Adalah benar membangunkan sesebuah negara mundur tidaklah mudah. Tetapi ia bukan mustahil jika kita punyai keyakinan terhadap kebolehan kita. Jika kita tidak yakin akan kebolehan kita ilmu yang ada pada kita tidak akan mendatangkan apa-apa hasil bagi kita.

36. Justeru itu didikan dan pelajaran mestilah disertai dengan penyesuaian semangat keyakinan kepada kebolehan diri sendiri. Kepercayaan bahawa orang Eropah adalah lebih utama daripada bangsa-bangsa lain didunia perlu dihapuskan dan diganti dengan kepercayaan bahawa mereka tidak lebih dan kita tidak kurang dari sesiapa. Jika usaha gigih dilakukan siapa sahaja akan dapat mengurus pembangunan negara. Dan usaha gigih datangnya dari pemikiran yang bebas yang percaya apa yang boleh dilakukan oleh orang lain boleh dilakukan oleh kita, dan dilakukan dengan lebih baik.

37. Negara kita ini telah dibangunkan dengan akal fikiran dan daya usaha kita sendiri. Kita tidak bergantung kepada bantuan orang lain atau kewangan orang lain. Latihan dan didikan yang mencukupi telah diberi kepada rakyat Malaysia. Jika dapat kita bebaskan

pemikiran kita dari belunggu penjajahan, wawasan dua puluh, dua puluh akan dicapai oleh kita, Inshaallah.

38. Sekali lagi ingin saya ucap terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia kerana sudi menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang Pengurusan dan Kejuruteraan kepada saya.